

18 FEB 1999
Elektrik
STESEN JANAELEKTRIK LIBARAN CATAT BANYAK REKOD

SANDAKAN, 18 Feb (Bernama) -- Stesen Janaelektrik Libaran berharga RM260 juta di sini yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tengah hari ini unik kerana ia mencipta banyak sejarah dalam industri Penjanaan Tenaga Persendirian (IPP).

Ia termasuklah daripada segi jenis dan saiz enjin disel yang digunakan, tahap kecekapan pengeluaran serta kadar tarif.

Selain merupakan pelaburan yang terbesar di daerah Sandakan, stesen berkuasa 60 MW milik Stratavest Sdn Bhd itu, merupakan yang pertama di Malaysia menggunakan enjin disel berkelajuan rendah.

Stratavest ialah ahli kumpulan Syarikat Zil dan stesen janakuasa itu terletak di kawasan perindustrian Seguntor Fasa Empat di sini.

Saiz enjin itu juga adalah yang terbesar dan terberat di negara ini dengan satu unit enjin setinggi bangunan tiga tingkat (10 meter) dan panjangnya 27 meter manakala beratnya pula 400 tan seunit.

Stesen janakuasa itu mempunyai empat enjin diesel yang dibina oleh Mitsui Engineering and Shipyard di Jepun dan stesen itu dibina bagi mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik di daerah Sandakan sejak sekian lama itu.

Pengurus Stesen Janaelektrik Libaran Encik Zainal Karjah berkata, stesen itu juga diharap dapat memesatkan lagi perkembangan ekonomi di daerah Sandakan kerana bekalan elektrik merupakan keperluan asas yang sangat penting.

Gangguan bekalan elektrik sebelum ini sering berlaku di daerah Sandakan dan yang terburuk ialah pada bulan Mei 1997 apabila bekalan terganggu selama tiga bulan, katanya.

Dua lagi sejarah yang dicatat oleh stesen ini ialah penghasilan tenaga elektrik pada tahap kecekapan tertinggi iaitu 91 peratus atau 8,484 kJ/kWh (kilojoule/kilowatt hour) dan kadar tarif yang terendah bagi stesen berkuasa disel pada kadar 16.1 sen/kWh.

Stesen yang beroperasi secara automatik itu memberi peluang pekerjaan kepada 38 orang penduduk tempatan daripada sejumlah 43 orang kakitangan.

Zainal berkata, stesen yang mula dibina pada Mei 1997 menerusi konsep "bina, milik dan urus (BOO), disiapkan empat bulan lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan dan mula beropersi pada bulan Disember lepas.

Ia diberi lesen oleh Ketua Pengarah Bekalan Elektrik Malaysia untuk beroperasi bagi tempoh 21 tahun dan perjanjian operasi dan penyelenggaraan yang ditandatangani dengan Serve Vest Power Sdn Bhd, menjadikan syarikat itu sebagai syarikat tempatan kedua melibatkan diri dalam aktiviti mengendali dan menyelenggara (O&M) di bidang penjanaan elektrik di Malaysia.

Stesen janaelektrik itu menyalurkan bekalannya kepada Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) - syarikat bekalan elektrik tempatan dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) menguasai 80 peratus ekuiti dan bakinya dipegang oleh Kerajaan Sabah.

Kerja-kerja pembinaan stesen itu dilaksanakan dengan penggunaan maksimum kepakaran tempatan manakala kepakaran asing digunakan dalam aspek pembinaan, perolehan dan kejuruteraan.

"Bekalan elektrik dari stesen janakuasa ini berupaya meliputi seluruh kawasan dalam daerah Sandakan sehingga tahun 2005 dan kawasan liputan kini hanya memerlukan bekalan berjumlah 37 MW," katanya.

Pada tahun 2002, apabila grid pantai timur Sabah siap, Stesen

Janaeletrik Libaran akan dapat menyalurkan bekalan ke Lahad Datu, Semporna dan Tawau, katanya.

-- BERNAMA

AFY PR